

# Kesal kerajaan negeri membisu

Bantahan penduduk mengenai projek perkuburan bersepadu masih tiada jawapan sehingga kini

ARZAMA ARZAMAN

**PUNCAK ALAM** - Kerajaan negeri wajar mengutamakan kebajikan rakyat tentamannya yang bakal terjejas akibat pembangunan projek perkuburan bersepadu di kawasan ini.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Imohizam Ibrahim berkata, pihaknya masih menunggu kenyataan rasmi bertubung isu bantahan itu memandangkan kerajaan negeri masih membisu.

Menurutnya, bantahan yang dibangkitkan penduduk berasas memandangkan carian maklumat terhadap projek perkuburan bersepadu itu menimbulkan kebimbangan lebih-lebih impak banjir pada masa akan datang.

"Suara Rakyat itu penting kerana kawasan Puncak Alam ini adalah lembah dan penduduk cukup trauma sekiranya peristiwa banjir yang pernah melanda sebelum ini berulang.

"Perlu ada penjelasan rasmi kerajaan negeri terhadap isu ini dan adakah laporan kajian impak sosial ada dilakukan? Jangnahlah disebabkan mencari identiti komersial se-



Bantahan penduduk seperti yang dilaporkan Sinar Harian pada 12 Januari lalu.

mata-mata tapi rakyat diabaikan," katanya.

Imohizam yang juga Ahli Lembaga Pengarah UTM menegaskan, pihaknya tidak mahu Puncak Alam yang kian membangun dengan hub pendidikan dan pelancongan itu diubah kepada imej lain.

"Sedangkan saya rancak membangunkan perijamaan daerah Kuala Selangor supaya dapat dikenali sehingga ke luar negara. Cukup sayangkan jika Puncak Alam ini dikenali dengan imej yang tidak sepatutnya.

"Saya juga tidak mahu musibah banjir berulang lagi dan sudah menjadi fokus untuk memastikan tadahan hujan tidak terjejas dan penduduk tidak lagi trauma jika berlaku hujan



Imohizam (duduk, dua dari kanan) bertanya khabar Maria ketika berkunjung ke kediaman pesakit leukimia tu di Puncak Alam.

lebat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat penduduk yang juga pesakit leukimia, Maria Justine, 46, di Alam Suria sempena Lawatan Kerja Ahli Parlimen Kuala Selangor di Puncak Alam.

*Sinar Harian* difahamkan, jawatankuasa Perwakilán Penduduk

(PP) Zon 7 Puncak Alam bersama penduduk turut menghantar memorandum kepada kerajaan negeri bagi membantah projek itu.

Sebelum ini, lebih 300 penduduk di lima kampung membantah cadangan pembinaan perkuburan bukan Islam di kawasan bertukik berhampiran penempatan majoriti

Melayu itu.

Bukan sahaja penduduk Kampung Felda Bukit Cherkar, penduduk Kampung Bukit Kapar Tambahan, Kapar, Kampung Bukit Hijau dan Bandar Puncak Alam turut tampil seawal jam 9 pagi untuk menyatakan bantahan terhadap projek itu.

Lebih dikesalkan, kerja awalan tanah untuk pembinaan jalan giat dijalankan di kawasan terbabit sehingga menimbulkan pelbagai persoalan penduduk kerana 'ke-lulusan' diberikan di tapak yang terletak di tengah kampung.

Bagaimanapun Majlis Daerah Kuala Selangor (MDS) memaklumkan bahawa kawasan terbahari sudah dizonkan untuk kegunaan tapak perkuburan bersepadu melalui Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (RTMDKS) 2025.

Cadangan pemohon untuk membangunkan kawasan tanah tersebut sebagai Tapak Perkuburan Bersepadu adalah selaras dengan zon guna tanah yang telah ditetapkan di dalam RTMDKS 2025 yang diwartakan pada 28 April 2015.